



SESI PENGAMBARAN TAHUN BAHARU CINA TAHUN 2020 DENGAN PENDUDUK KAMPUNG BAHARU JENJAROM DAN LAWATAN KERJA YB MENTERI KPKT KE JENJAROM



Pada 5 Januari 2020, YB Puan Hajah Zuraida selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengadakan sesi pengambaran Tahun Baharu Cina Tahun 2020 dengan penduduk Kampung Baharu Jenjarom dan beliau juga telah mengadakan lawatan kerja ke sekitar kawasan Jenjarom.

Menurut YB Zuraida, Jenjarom dipilih sebagai lokasi pengambaran kerana ingin menonjolkan semangat muhibah antara penduduk walaupun berbilang bangsa dan agama. Kepelbagaiannya ini telah menjadikan mereka hidup aman dan bahagia serta harmoni.

Dalam lawatan ini, beliau telah pergi meninjau rumah ibadat Buddha, di Tokong Wan Shou dan Kuil Dong Zen. Kedua-dua rumah ibadat ini akan bekerjasama dengan persatuan penduduk untuk menganjurkan aktiviti yang dapat menyatu padukan penduduk tanpa mengira bangsa dan agama.

Dalam masa yang sama, YB Zuraida juga mengunjungi rumah inap desa yang dimiliki pemilik setempat. Rumah tersebut akan siap dibina berkonsepkan kepada senibina tradisi rumah masyarakat cina.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat